

## **Menilai Gaya pembelajaran Kategori Emosi Dalam Kalangan Pelajar JTMK Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin**

**Ramlah Md Zain<sup>1\*</sup>, Mazlina Mustapha<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Department of Information and Communication Technology, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 23000  
Dungun, Terengganu.

**\*Corresponding author E-mail:** ramlah@psmza.edu.my

### **Abstrak**

Kajian diskriptif ini bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran kategori emosi pelajar program Diploma Teknologi Digital (DDT) di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). Kajian ini melibatkan seramai 46 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester dua program DDT bagi sesi Jun 2017. Instrumen soal selidik dengan skala lima mata digunakan untuk mengukur gaya pembelajaran model Dunn dan dunn bagi kategori emosi. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.71. Dapatan kajian menunjukkan elemen motivasi, tanggungjawab, struktur dan kecekalan tiada jauh bezanya berdasarkan nilai min yang diperolehi. Elemen motivasi mendapat skor min tertinggi iaitu 4.2 manakala elemen kecekalan mendapat skor min terendah iaitu 3.65. Gaya pembelajaran ini memberi kesan yang berbeza terhadap tabiat dan kesungguhan pembelajaran akademik pelajar. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi faedah kepada pelajar-pelajar dalam mencungkil cara pemikiran yang paling berkesan untuk mendapatkan prestasi akademik yang cemerlang dan perubahan sikap yang terbaik. Manakala para pensyarah pula dapat menggunakan kaedah pembelajaran yang bersesuaian dalam menarik minat pelajar berdasarkan kecenderungan gaya pembelajaran yang dikenalpasti.

**Kata Kunci:** gaya pembelajaran; emosi; motivasi; tanggungjawab; struktur; kecekalan

## **1.0 PENGENALAN**

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), menyatakan emosi adalah perasaan dalaman yang kuat yang merangsang kepada perubahan psikologi dan fisiologi seseorang. Ia adalah satu ciri jiwa manusia yang mempamerkan perasaan-perasaan kuat yang berpunca daripada psikologi atau mental seseorang dan emosi dapat berlaku secara naluri bergantung pada situasi. Fakhrurrozi, M . dan Alhamri (2009) pula menyatakan bahawa emosi adalah suatu perasaan atau akal fikiran tertentu yang merangkumi keadaan fisiologis dan biologis yang disertai dengan sekumpulan keinginan untuk bertindakbalas dengan situasi yang berlaku. Gaya pembelajaran merupakan kaedah setiap individu mengikut kecenderungan masing-masing dalam menguasai kemahiran dan pengetahuan dan seterusnya mengaplikasikan segala maklumat di samping membentuk sikap individu (Baharin, Othman, Syed Mohd Shafeq, & Jaliza, 2007).

Model Gaya pembelajaran Dunn & Dunn menyatakan bahawa gaya pembelajaran kategori emosi terdiri daripada empat elemen iaitu motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur. Setiap pelajar mempunyai elemen gaya pembelajaran emosi yang berbeza mengikut kesesuaian dan kecenderungan masing-masing (Nurul Farhana Mazian Jamian,

2012). Elemen yang paling sesuai dengan diri pelajar sudah pasti menyumbangkan hasil yang memuaskan.

Sesebuah kumpulan individu sememangnya wujud perbezaan dari segi sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkahlaku, sosial atau bakat (Baharin et al., 2007). Namun begitu, emosi pelajar yang pelbagai mengundang kepada sifat ketidakbertanggungjawaban terhadap pembelajaran. Pelajar juga kurang cekal dalam menghadapi tekanan apabila diberikan tugas yang memerlukan pemikiran secara lebih kreatif dan kritis. Terdapat juga pelajar yang cepat berputus asa dan kurang motivasi apabila berhadapan dengan konflik di persekitaran mereka samaada berkaitan dengan rakan sebaya ataupun pembelajaran. Sikap pelajar kebelakangan ini juga agak kurang disiplin dari segi masa dan fokus dalam kelas sehingga menyebabkan pensyarah perlu memberi tempoh masa yang panjang kepada mereka dalam menyiapkan sesuatu tugas. Mereka juga memerlukan penerangan selengkapnya dari pensyarah untuk menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan. Sehubungan dengan ini adalah penting mengenalpasti elemen gaya pembelajaran emosi yang paling dominan dengan pelajar Diploma Teknologi Digital, PSMZA agar dapat membantu mereka mencipta kecemerlangan dalam pembelajaran dan sahsiah diri.

### **1.1 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai objektif-objektif seperti berikut :

- i. Menenalpasti elemen motivasi dalam mempengaruhi emosi pelajar
- ii. Menenalpasti elemen kecekalan dalam mempengaruhi emosi pelajar
- iii. Menenalpasti elemen tanggungjawab dalam mempengaruhi emosi pelajar
- iv. Menenalpasti elemen struktur dalam mempengaruhi emosi pelajar

### **1.2 Skop Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan responden pelajar semester dua Program Diploma Teknologi Digital, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin seramai 46 orang. Gaya pembelajaran responden dikenalpasti dengan menggunakan Model Dunn & Dunn (1975). Kajian di fokuskan kepada gaya pembelajaran kategori emosi sahaja yang melibatkan elemen motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian berbentuk kajian tinjauan. Penyelidik membuat tinjauan terhadap pola gaya pembelajaran dalam kategori emosi .

## 2.1 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar semester dua program Diploma Teknologi Digital, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Seramai 46 orang telah dipilih untuk menjadi sampel kajian.

## 2.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen kajian berbentuk soal selidik. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Soal selidik Bahagian A dibentuk sendiri bertujuan mendapatkan latar belakang responden kajian. Antara perkara yang terdapat dalam soal selidik Bahagian A ialah umur, jantina, bangsa, kelayakan masuk ke Program Diploma Digital dan Keputusan Peperiksaan Sesi Disember 2016.

Bahagian B pula adalah terdiri daripada 20 item soalan yang menguji empat elemen gaya pembelajaran (Dunn R dan Dunn K,1978) kategori emosi iaitu, motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur. Setiap elemen ini mengandungi 5 item. Item dalam instrumen ini adalah diukur menggunakan skala Likert 5 mata iaitu skala 1 sangat tidak setuju, dan skala 5 sangat setuju.

Elemen-elemen yang terkandung dalam gaya pembelajaran kategori emosi adalah ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Pembahagian item mengikut jenis gaya pembelajaran kategori emosi

Bil	Elemen	Item	Ciri-ciri
1	Motivasi	1,2,3,4,5	Boleh merangsang diri untuk belajar atau perlu dirangsang oleh seseorang
2	Kecekalan	6,7,8,9,10	Boleh belajar dalam jangkamasa yang lama atau jangkamasa yang pendek
3	Tanggungjawab	11,12,13,14,15	Bertanggungjawab untuk belajar atau perlu bimbingan guru
4	Struktur	16,17,18,19,20	Suka belajar mengikut jadual atau suka belajar sekiranya diberikan lebih masa untuk sesuatu perkara

**Jadual 2 :** Skala Likert beserta dengan markah skor

<b>Skala Likert</b>	<b>Skor</b>
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Melalui penggunaan skala Likert 5 mata gred dalam Jadual 2 di atas, data-data yang diperolehi dianalisis dan dinyatakan mengikut kekerapan, peratusan dan min.

**Jadual 3:** Petunjuk Min untuk mengukur darjah penilaian terhadap responden

<b>Peratusan</b>	<b>Tahap</b>
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Nilai min yang diperolehi melalui penganalisan data akan menentukan tanggapan positif atau negatif terhadap sesuatu aspek yang dikaji. Mengikut Mohd Najib (1999) nilai min dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Mohd Najib juga menyatakan tafsiran fakta adalah hak pengkaji walaupun fakta adalah hak semua orang. Oleh itu pengkaji telah membuat tafsiran terhadap fakta yang diperolehi dengan menetapkan tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di atas.

### **2.3 Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang akan digunakan sebagai alat kajian ini. Sebanyak 30 set soal selidik telah diedarkan kepada 30 pelajar program Diploma Teknologi Digital, PSMZA sebagai sampel dalam kajian penyelidikan. Ini bertepatan dengan kenyataan daripada Mohamad Najid (1999) yang berpendapat saiz sampel rintis tidak perlu besar tetapi memadai antara enam hingga sembilan orang untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan. Dalam menentukan kebolehpercayaan alat ukur ini, indek Alpha Cronbach digunakan untuk mengira koefisien bagi seluruh ujian. Nilai alpha adalah sebanyak 0.71 bagi jumlah keseluruhan item. Ini menunjukkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang boleh diterima. Berdasarkan Mohd Majid (1994), yang menyatakan instrumen kajian boleh dipercayai sekiranya nilai alpha adalah melebihi 0.6.

### 3.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini membincangkan perkara yang berikut:

- i. Pengaruh elemen motivasi dalam mempengaruhi emosi pelajar
- ii. Pengaruh elemen kecekalan dalam mempengaruhi kecekalan pelajar
- iii. Pengaruh elemen tanggungjawab dalam mempengaruhi emosi pelajar
- iv. Pengaruh elemen struktur dalam mempengaruhi emosi pelajar

Dapatan kajian ini membincangkan objektif pengaruh elemen motivasi dalam mempengaruhi emosi pelajar. Berpandukan Jadual 4 di bawah yang menunjukkan analisis data dan keputusan bagi gaya pembelajaran emosi kategori motivasi. Min keseluruhan bagi konstruk ini adalah 4.2. Dari 5 item dalam konstruk ini, item 1 memberi nilai tertinggi iaitu 4.86. Nilai min bagi item ini adalah bermaksud bahawa responden mempunyai keinginan yang tinggi untuk mendapatkan gred yang baik dalam peperiksaan. Untuk nilai min terendah pula adalah 2.32 yang mewakili dari item 5. Responden tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tiada orang yang mengambil berat dengan pencapaian responden. Secara keseluruhannya item 1 hingga 4 adalah menunjukkan nilai yang tinggi kerana mencapai nilai melebihi 4 mata. Ini bermakna elemen motivasi sangat mempengaruhi gaya pembelajaran kategori emosi.

**Jadual 4 :** Elemen Motivasi

No. Item	Pernyataan Soalan	Respon (Peratus; Bilangan Responden)					Min Skala Likert	Min keselu ruhan
		1	2	3	4	5		
1	Keinginan mendapatkan gred yang baik	0 %	0%	4.3 %	4.3 %	91. 4%	4.86	
2	Sokongan dan teguran daripada ibu bapa serta ahli keluarga dapat memberikan semangat dan minat.	0 %	0%	8.7 %	17. 4%	73. 9%	4.65	
3	Teguran dan bimbingan dari pensyarah meningkatkan minat untuk belajar dengan tekun	0 %	0%	19. 6%	32. 6%	47. 8%	4.28	4.2
4	Perasaan gembira apabila mendapat markah atau gred yang baik di sekolah.	0 %	0%	8.7 %	15. 2%	76. 1%	4.67	

5	Tiada orang mengambil berat dengan pencapaian.	41 .3 %	4.3 %	39. 1%	10. 9%	4.3 %	2.32
---	--	---------------	----------	-----------	-----------	----------	------

Dapatan kajian ini membincangkan objektif pengaruh elemen kecekalan dalam mempengaruhi emosi pelajar. Berpandukan Jadual 5 di bawah yang menunjukkan analisis data dan keputusan bagi gaya pembelajaran kategori kecekalan. Min keseluruhan bagi konstruk ini adalah 3.65. Dari 5 item dalam konstruk ini, item 4 memberi nilai tertinggi iaitu 4.30. Nilai min bagi item ini adalah bermaksud bahawa responden berkebolehan melaksanakan beberapa tugas dalam tempoh masa yang sama. Untuk nilai min terendah pula adalah 3.19 yang mewakili dari item 5. Responden tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tiada masalah hilang fokus semasa pembelajaran walaupun tempoh berada dalam kelas agak panjang. Untuk kategori gaya pembelajaran ini menunjukkan nilai mata yang sederhana kerana min purata keseluruhan adalah 3.65. Ini bermakna kebanyakan responden mempunyai nilai kecekalan yang sederhana dalam gaya pembelajaran ini. Terdapat segelintir responden yang mudah hilang minat serta berasa bosan terhadap kerja kerana mereka hanya mampu menumpukan perhatian dalam jangka masa yang pendek sahaja.

**Jadual 5:** Elemen Kecekalan

No. Item	Pernyataan Soalan	Respon (Peratus; Bilangan Responden)					Min Skala Likert	Min Keseluruhan
		1	2	3	4	5		
1	Penghasilan kerja yang terbaik pada masa yang singkat	6.5	4.3 %	50%	30. 4%	8.8 %	3.3	
2	Penumpuan perhatian yang penuh sehingga kerja disiapkan	0%	0%	41.3 %	50 %	8.7 %	3.67	
3	Kerja disiapkan mengikut <i>dateline</i>	6.5 %	4.3 %	26.1 %	28. 3%	34. 8%	3.8	
4	Perlaksanaan beberapa tugas dalam tempoh masa yang sama	0%	2.2 %	21.7 %	19. 6%	56. 5%	4.30	3.65
5	Tiada masalah hilang fokus semasa pembelajaran walaupun tempoh berada dalam kelas agak panjang	10. 9%	17. 4%	30.4 %	23. 9%	17. 4%	3.19	

Dapatan kajian ini membincangkan objektif pengaruh elemen tanggungjawab dalam mempengaruhi emosi pelajar. Berpandukan Jadual 6 di bawah yang menunjukkan analisis data dan keputusan bagi gaya pembelajaran kategori tanggungjawab. Min keseluruhan bagi konstruk ini adalah 3.9 yang menunjukkan tahap peratusannya adalah tinggi. Dari 5 item dalam konstruk ini, item 1 memberi nilai tertinggi iaitu 4.56. Nilai min bagi item ini adalah bermaksud bahawa responden suka mempelajari sesuatu yang baru. Untuk nilai min terendah pula adalah 3.13 yang mewakili dari item 2. Responden berasa sukar untuk menyelesaikan semua kerja dalam satu masa yang sama. Min purata keseluruhan adalah 3.9 yang menunjukkan darjah penilaian tahap tinggi menurut Mohd Najib (1999). Ini bermakna responden mempunyai nilai tanggungjawab yang tinggi untuk mencapai sesuatu kejayaan. Namun begitu masih ada responden yang sukar untuk menyelesaikan semua kerja dan tidak menyiapkan kerja dengan baik.

**Jadual 6 :** Elemen Tanggungjawab

No. Item	Pernyataan Soalan	Respon (Peratus; Bilangan Responden)					Min Skala Likert	Min keseluruhan
		1	2	3	4	5		
1	Suka mempelajari sesuatu yang baru	0%	0%	8.7%	26.1%	65.2%	4.56	
2	Sukar untuk menyelesaikan semua kerja	4.3%	2.2%	73.9%	15.2%	4.3%	3.13	
3	Mudah bosan dalam melakukan sesuatu perkara menyebabkan ingin membuat sesuatu yang baru	6.5%	2.2%	26.1%	34.8%	30.4%	3.80	3.9
4	Menyelesaikan kerja yang telah dimulakan	0%	0%	37%	47.9%	15.2%	3.78	
5	Selalu melaksanakan tugas yang telah diberikan	0%	0%	21.8%	39.1%	39.1%	4.17	

Dapatan kajian ini membincangkan objektif pengaruh elemen struktur dalam mempengaruhi emosi pelajar. Berpandukan Jadual 7 yang menunjukkan analisis data dan keputusan bagi gaya pembelajaran kategori struktur. Min keseluruhan bagi konstruk ini adalah 3.82 yang menunjukkan tahap peratusannya adalah tinggi. Dari 5 item dalam konstruk ini, item 4 memberi nilai tertinggi iaitu 4.34. Nilai min bagi item ini adalah

bermaksud bahawa responden memerlukan penerangan selengkapnya dari pensyarah untuk menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan. Untuk nilai min terendah pula adalah 3.19 yang mewakili dari item 3 iaitu responden selalu lupa untuk membuat atau menghabiskan tugas. Untuk kategori gaya pembelajaran elemen struktur ini, menunjukkan nilai mata yang tinggi kerana min purata keseluruhan adalah 3.82. Ini bermakna semua responden memerlukan arahan yang jelas dan berstruktur untuk mendorong mereka belajar dengan lebih berkesan dan menyiapkan sesuatu tugas dengan lebih baik. Terdapat juga antara mereka yang lebih suka belajar atau menyiapkan tugas dengan gaya bebas. Mereka Lebih suka diberikan kebebasan melaksanakan sesuatu tugas mengikut cara sendiri kerana ia bergantung kepada cara belajar setiap individu dan kebolehan untuk membuat keputusan.

**Jadual 7:** Elemen Struktur

No. Item	Pernyataan Soalan	Respon (Peratus; Bilangan Responden)					Min Skala Likert	Min keseluruhan
		1	2	3	4	5		
1	Menghabiskan tugas tepat pada masanya	0%	4.3 %	37 %	47.9 %	10.9%	3.65	
2	Melakukan sesuatu perkara yang telah di janjikan	0%	0%	34.8%	45.7%	19.6%	3.84	
3	Selalu lupa untuk membuat atau menghabiskan tugas	13%	13%	34.8%	19.6%	19.6%	3.19	
4	Memerlukan penerangan selengkapnya dari pensyarah untuk menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan	0%	8.7%	8.7%	19.6%	63%	4.34	3.82
5	Lebih suka diberikan kebebasan melaksanakan sesuatu tugas mengikut cara sendiri.	2.2%	13%	11%	19.6%	54.3%	4.10	

#### 4.0 PERBINCANGAN

Perbincangan hasil kajian ini adalah tertumpu kepada hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis yang dibuat . Gaya pembelajaran kategori emosi yang



mempunyai 4 elemen dibincangkan. Daripada hasil kajian menunjukkan elemen motivasi adalah mempunyai nilai min tertinggi iaitu 4.2 di ikuti dengan elemen tanggungjawab nilai min 3.9, elemen struktur nilai min 3.82 dan elemen kecekalan nilai min 3.65. Ini menunjukkan elemen motivasi mendapat nilai min tertinggi manakala elemen kecekalan adalah terendah. Ini menunjukkan elemen motivasi adalah satu indikator yang besar dalam menyumbang kepada gaya pembelajaran kategori emosi. Motivasi adalah rangsangan dalam diri yang berbentuk keinginan, semangat, dorongan dan usaha yang digerakkan untuk mencapai sesuatu tujuan yang diinginkan (Asif, 2013). Ini bermakna motivasi adalah daya penggerak utama yang menjamin kejayaan seseorang dengan kecenderungan menyeluruh untuk bertindak pada masa tertentu.

Daripada kajian ini juga menunjukkan elemen kecekalan responden adalah yang terendah tetapi masih lagi dalam kategori sederhana kerana terdapat sebahagian responden boleh menyempurnakan tugas dengan segera dan ada pula yang memerlukan rehat dan hentian seketika sebelum satu-satu tugas boleh diselesaikan. Kewujudan perbezaan individu dikalangan pelajar merupakan salah satu faktor penyebab kepada kesulitan pelajar menerima sesuatu pembelajaran kerana penguasaan pembelajaran sangat mementingkan aspek perbezaan individu. (Shaharom, 1998). Oleh itu, waktu pembelajaran fleksibel mengikut kemampuan pelajar diperlukan. Jika ditinjau dari aspek perbezaan individu, sudah pastilah akal dijadikan sebagai salah satu kriteria ukuran untuk menilai perkembangan seseorang murid itu. Perbezaan kematangan akal ini sudah pasti menguji kecekalan seseorang murid itu untuk menyempurnakan tugas yang dilakukannya.

Elemen lain iaitu struktur dan tanggungjawab menunjukkan min yang lebih kurang sama iaitu 3.82 dan 3.9. Ini menunjukkan responden suka belajar mengikut jadual yang ditetapkan atau suka belajar sekiranya diberikan lebih masa untuk sesuatu perkara. Mereka juga mempunyai rasa bertanggungjawab untuk belajar dan memerlukan bimbingan dari pensyarah.

## **5.0 KESIMPULAN**

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran kategori emosi masing-masing iaitu elemen motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur. Sebagai seorang pensyarah dengan pelajar, ibu bapa dengan anak-anak ataupun pelajar itu sendiri perlu memahami elemen emosi yang diamalkan. Dengan ini, pensyarah boleh menyediakan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan elemen emosi pelajar supaya boleh meningkatkan lagi minat pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar. Sebagai ibu bapa pula boleh memberi dorongan, semangat atau galakkan yang bersesuaian kepada anak-anak mereka supaya anak-anak mereka berasa dihargai dan diperlukan. Dengan ini, matlamat penubuhan Institusi Pengajian Tinggi untuk melengkapkan siswazah dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran demi menghadapi pelbagai cabaran di dunia pekerjaan akan tercapai.

## 6.0 PENGHARGAAN

Di kesempatan ini kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu kami sehingga berjaya menghasilkan kajian ini terutamanya Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan PSMZA.

## 7.0 RUJUKAN

- Asif, K. A. (2013). *Hubungan Gaya Belajar dan Motivasi Belajar dengan Prestasi Belajar Mata Diklat Mengaplikasikan Rangkaian Listrik siswa smkn 2 Depok Sleman*. UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA.
- Baharin, A., Othman, M. J., Syed Mohd Shafeq, S. M., & Jaliza, J. (2007). Kemahiran Belajar Pelajar Universiti (Contrasting Learning Styles And Study Skills). *Vot 71881, Vol 71881*, 1–104.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Maksud Emosi. Kamus Dewan Edisi Keempat* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fakhrurrozi, M . dan Alhamri, A. (2009). Kecerdasan Emosi Pada Remaja Pelaku Tawuran.
- Mohd Majid, K. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Farhana Mazian Jamian. (2012). Kecenderungan Gaya Pembelajaran Model Dunn dan Dunn dan Model Honey dan Mumford di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda FPTP di UTHM. Laporan Projek Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia., 1–125.
- Shaharom, N. (1998). PENGAJARAN BERMODUL DI SEKOLAH MENENGAH: PERUBAHAN KONSEP PARA PELAJAR TINGKATAN EMPAT DALAM PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN FIZIK. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 1, 64–77.